

18 AUG 2002

Zaharah-Kelab

ZAHARAH MAHU SEKOLAH MENENGAH TUBUH KELAB PERPADUAN

KOTA KINABALU, 18 Ogos (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mahu sekolah menengah di seluruh negara menubuhkan kelab perpaduan bagi menyemai semangat perpaduan jitu di kalangan pelajar berbilang bangsa.

Beliau berkata walaupun sudah ada usaha mewujudkan kelab seumpama itu di peringkat universiti, terdapat keperluan melaksanakannya di peringkat sekolah menengah bagi mengelak berlakunya polarisasi kaum di peringkat awal persekolahan.

Bagi maksud itu, kementerian akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan bagi mengenal pasti sekolah yang sesuai untuk memulakan projek perintis kelab perpaduan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen kibar jalur gemilang rukun tetangga di Taman Jumbo, Petagas, dekat sini hari ini.

"Kalau boleh, kita (kementerian) tidak mahu memulakan penubuhan kelab perpaduan di sekolah, biarlah sekolah atau pengetua terbabit sendiri yang menjadi pelopor kelab itu.

"Kita tidak mahu memaksa (mana-mana pihak). Apa yang penting ialah kita mahu menggalakkan penubuhan kelab perpaduan di sekolah-sekolah menengah di mana pelajar pelbagai kaum boleh berinteraksi dan menjalankan aktiviti sekolah sama-sama," katanya.

Ditanya sama ada program itu akan diperluaskan ke peringkat sekolah rendah, Dr Siti Zaharah berkata: "Tumpuan sekarang ialah menubuhkan kelab perpaduan di peringkat sekolah menengah".

Beliau yakin program perpaduan itu akan diterima pakai di negeri-negeri yang dikuasai parti pembangkang seperti Kelantan dan Terengganu kerana ia membabitkan kepentingan negara.

Mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewujudkan kelab perpaduan di peringkat pusat pengajian tinggi, beliau berkata kementerian akan berusaha membantu menjayakan wawasan negara itu.

"Kita sekarang ini pergi ke universiti-universiti untuk mengadakan dialog dengan pelajar universiti, kita dapat kerjasama yang baik daripada pihak pengurusan universiti.

"Bagaimanapun, hasrat Perdana Menteri itu harus diberi perhatian oleh pihak pentadbiran universiti, dan kita akan memberikan kerjasama bukan setakat menubuhkan kelab tetapi membuat beberapa peraturan seperti susunan pelajar, tempat tinggal dan mengurangkan penubuhan kelab untuk satu kumpulan sahaja," katanya.

-- BERNAMA

NT RHM